

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	11 DECEMBER 2016

PM gembira keberkesanan SEDIC bantu masyarakat India

UM - 11/12/2016

KUALA LUMPUR 10 Dis. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak gembira dengan keberkesanan Unit Khas Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC) dalam membantu mengeluarkan komuniti India daripada belunggu kemiskinan.

Perkara itu dimaklumkan Pengarah SEDIC, Prof. Datuk Dr. N.S. Rajendran selepas Perdana Menteri menyuarakan isi hatinya ketika melawat pameran kejayaan SEDIC di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SKJT) Batu Caves di sini hari ini.

"Perdana Menteri menyatakan sendiri kepada saya yang beliau begitu terharu melihat sambutan baik daripada masyarakat India sehingga beliau mengatakan, 'saya gembira kerana SEDIC membawa sinar kepada ramai masyarakat India'.

"Beliau juga menyatakan komitmen kerajaan bahawa program SEDIC akan diteruskan pada masa hadapan kerana pelaburan sosial ini ternyata

membawa impak besar kepada komuniti India," katanya kepada pemberita selepas lawatan Perdana Menteri.

Dalam lawatan itu, Najib meluangkan masa hampir sejam bermesra dengan masyarakat India yang telah berjaya keluar daripada kepompong kemiskinan setelah mendapat manfaat dana serta latihan kemahiran daripada program berkenaan.

Mengulas lanjut mengenai SEDIC, Rajendran berkata, sejak Mei 2014, sebanyak RM160 juta telah dibelanjakan bagi melatih 400 pertubuhan bukan kerajaan dan institut kemahiran swasta yang menjadi penggerak kepada usaha memajukan masyarakat India.

Jelasnya, selain meningkatkan taraf sosioekonomi, langkah itu yang digerakkan secara bersepadu khususnya di kawasan-kawasan hitam telah berjaya mengurangkan penglibatan golongan muda India dalam aktiviti gengsterisme.

"Inilah bukti keprihatinan



Waktu Solat



MBSB

SUBUH SYURUK ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK

 KUALA LUMPUR dan kawasan sewaktu dengannya	5.48	7.08	1.09	4.32	7.06	8.20
 PULAU PINANG dan kawasan sewaktu dengannya	5.56	7.16	1.14	4.36	7.08	8.23
 KUANTAN dan kawasan sewaktu dengannya	5.41	7.03	1.04	4.27	7.01	8.16
 JOHOR BAHRU dan kawasan sewaktu dengannya	5.35	6.58	1.01	4.24	7.00	8.15
 KUCHING dan kawasan sewaktu dengannya	5.11	6.33	12.36	4.00	6.35	7.50

kerajaan terhadap masyarakat India dan kita berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana meluluskan RM50 juta lagi dalam Bajet 2017 untuk disalurkan kepada SEDIC," katanya.